JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
ACCOUNTANT GENERAL'S DEPARTMENT MALAYSIA
Bahagian Khidmat Perunding
Aras 5, Perbendeharaan 2
No. 7, Persiaran Perdana,
Presint 2,
62594 PUTRAJAYA
MALAYSIA.

Tel: 603-8886 9500 / 8886 9700
Faks (Fax): 603 8886 9759
Laman Web (Web): www.anm.gov.my

Ruj Kami : JANM.600-20/2/4 Jld. 2 (46)
Tarikh : 27 Mac 2025

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datin/Tuan/Puan,

PEWUJUDAN KOD PENDAPATAN BAGI PEMBERIAN INSENTIF BERASASKAN PRESTASI (BIPs) DI DALAM SISTEM EMOLUMEN BERKOMPUTER [HUMAN CAPITAL MANAGEMENT (HCM)]

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam yang berkuat kuasa, bagi mengiktiraf pegawai yang mencapai prestasi baik dan telah berkhidmat untuk tempoh tertentu di gred semasa, insentif berasaskan prestasi diperkenalkan untuk meningkatkan tahap motivasi dan produktiviti dalam kalangan pegawai. Pemberian insentif ini melibatkan pegawai Kumpulan Pelaksana di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang memenuhi semua kriteria yang ditetapkan.

3. Sehubungan itu, Jabatan ini telah mewujudkan kod pendapatan baharu bagi **Pemberian Insentif Berasaskan Prestasi (BIPs)** dan sedia untuk digunakan mulai bulan pemprosesan gaji **April 2025** sebagaimana berikut:

Bil.	Keterangan	Kod	Nama Pendapatan
1.	Pemberian Insentif Berasaskan Prestasi (BIPs)	1530	Byrn Ins Prestasi (BPIs)
2.	Tunggakan Pemberian Insentif Berasaskan Prestasi (BIPs) (Tahun Semasa)	3530	T.BI Prestasi (BIPs)(TS)

4. Kerjasama pihak YBhg. Datin/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memanjangkan perkara ini kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan Pejabat Perakaunan masing-masing. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD AZRAAI BIN MD AZNAN C.A (M)**)**
Pengarah
Bahagian Khidmat Perunding
Jabatan Akauntan Negara Malaysia